

Dong Zong tak pernah suka Melayu - Tun M

Oleh **MUHAMAD AIMY AHMAD**

pengarang@utusan.com.my

■ LANGKAWI 12 OGOS

TUN Dr. Mahathir Mohamad menyifatkan Persatuan Gabungan Jawatankuasa Sekolah Cina (Dong Zong) sebagai rasis kerana tidak pernah bersetuju dengan apa jua keputusan kerajaan.

Perdana Menteri berkata, Dong Zong sejak dahulu lagi sering membantah termasuk ketika kerajaan mewujudkan Sekolah Wawasan yang menggabungkan sekolah kebangsaan (SK), sekolah jenis kebangsaan Cina (SJKC) dan sekolah jenis kebangsaan Tamil (SJKT).

Beliau dalam nada tegas berkata, persatuan itu tidak pernah menyukai orang Melayu kerana bimbang anak-anak mereka bercampur dengan kaum itu.

"Dong Zong ini rasis, kita buat Sekolah Wawasan letak SK, SJKC dan SJKT dalam satu kampus mereka tak mahu, takut anak-

anak dia konon bercampur dengan orang Melayu.

"Dia tak suka orang Melayu, semua dia bantah tak pernah bersetuju dengan apa-apa pun," katanya kepada pemberita selepas menghadiri Program Korban di Masjid Al Huda Padang Matsirat, di sini hari ini.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas penentangan Dong Zong yang melakukan petisyen terhadap pembelajaran dalam Jawi dan tulisan khat yang kononnya merupakan satu bentuk Islamisasi untuk menyebarkan agama Islam.

Mengulas lanjut, Dr. Mahathir menjelaskan, sebelum negara mencapai kemerdekaan, kerajaan mendapati adalah sukar bagi penduduk bukan Melayu belajar dalam tulisan Jawi sebelum memperkenalkan tulisan rumi.

"Saya masih ingat ketika negara hendak merdeka, kita dapati bukan Melayu susah hendak belajar, jadi kerajaan ambil keputusan guna tulisan roman untuk memudahkan mereka.

"Kerajaan sudah memberi pertimbangan khusus kepada bukan Melayu, manakala Melayu masih terus belajar Jawi kerana hendak membaca al-Quran," katanya.

Dalam perkembangan lain, Dr. Mahathir secara sinis 'mengiktiraf' Ahli Parlimen Klang, Charles Santiago mempunyai kedudukan yang setaraf dengannya susulan kenyataan pemimpin DAP itu terhadap beliau yang sering membuat keputusan secara berseorangan.

"Pada masa depan apabila saya nak buat keputusan saya akan tanya boleh atau tidak (Charles) Santiago bersetuju, kalau dia tak bersetuju, saya tak buatlah, mesti dapatkan pandangan dia kerana dia setaraf dengan saya," ujarnya.

Hari ini, Charles menerusi satu kenyataan dalam Facebook miliknya berkata, Dr. Mahathir sering membuat keputusan secara berseorangan dan seolah-olah mahu menunjukkan beliau berkuasa walaupun datang daripada parti yang kecil.